



Kenyataan Media

CYBERJAYA

3 Jun 2022

KEBAKARAN MENARA KOMUNIKASI DI BUKIT BUNGA, SERTING TENGAH, NEGERI SEMBILAN: KERJA BAIK PULIH RANGKAIAN KOMUNIKASI TERJEJAS SEDANG DIJALANKAN

Satu insiden kebakaran telah berlaku melibatkan menara komunikasi di Bukit Bunga, Serting Tengah, Negeri Sembilan. Kejadian berlaku adalah sekitar jam 3.00 petang pada hari Sabtu, 28 Mei 2022 lalu melibatkan sebuah menara komunikasi milik pihak Maxis yang diguna sama oleh pihak Maxis, Celcom, Digi, dan U-Mobile.

Kebakaran tersebut telah memusnahkan kelengkapan dan kabel yang berada pada struktur menara dan punca kebakaran di menara komunikasi berkenaan masih dalam siasatan pihak Bomba. Kemusnahan pada struktur menara ini juga mengakibatkan gangguan perkhidmatan di beberapa buah menara yang bersambungan iaitu di Felda Pasoh 3 dan Kampung Padang Lebar.



INSIDEN kebakaran yang berlaku melibatkan menara komunikasi di Bukit Bunga, Serting Tengah, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Sehubungan itu, semua penyedia perkhidmatan di menara tersebut telah melaksanakan solusi interim dengan mengaktifkan *Mobile Communication Vehicle* (MCV) dan *Portable Base Transceiver Station* (pBTS) ke lokasi kejadian untuk memberikan perkhidmatan sehingga kerja-kerja baik pulih siap sepenuhnya.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV